

**Anwar Terdesak Hingga Sanggup Diperkudakan DAP - Ahmad Zahid  
Bernama  
04 Mei, 2012**

BAGAN DATOH, 4 Mei (Bernama) -- Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim berada dalam keadaan terdesak kerana sanggup diperkudakan oleh DAP semata-mata untuk menang pada pilihan raya umum ke-13 dan menawan Putrajaya, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata disebabkan terdesak, pemimpin pembangkang itu sanggup menggadaikan prinsip perjuangan yang dahulunya cukup membenci DAP.

"Kalau dahulu Anwar adalah antara pemimpin Umno yang cukup membenci DAP dan pemimpinnya tetapi sekarang dalam keadaan terdesak beliau sanggup ditanggung oleh parti dan pemimpin yang dibenci dahulu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kepada 815 penerima bagi Parlimen Bagan Datoh di Dewan Pertubuhan Peladang Simpang Tiga di sini, pada Jumaat.

Ahmad Zahid diminta mengulas laporan akhbar Khamis yang memetik Anwar sebagai berkata beliau rela menjadi kuda tunggangan DAP jika tindakan itu membolehkan pakatan pembangkang menawan Putrajaya pada pilihan raya umum ke-13.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=663760>